



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BULAN KESEDARAN KANSER KOLOREKTAL MAC 2020

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) 2012-2016, secara keseluruhannya, kanser kolorektal merupakan kanser yang kedua paling kerap berlaku (13.5%) di Malaysia, selepas kanser payudara (19%). Dari segi jantina pula, kanser kolorektal merupakan kanser yang paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9%) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7%). MNCR 2012-2016 juga melaporkan lebih 70% kanser kolorektal dikesan berada pada tahap 3 serta 4 iaitu masing-masing 72.4% dalam kalangan lelaki dan 73.1% dalam kalangan wanita.

Kanser kolorektal merupakan kanser yang boleh dicegah dengan amalan gaya hidup yang sihat serta pengesanan awal melalui ujian saringan. Risiko kejadian kanser kolorektal meningkat dengan pertambahan usia, pernah disahkan mempunyai kolon polip, menghidap radang usus dan mempunyai sejarah keluarga yang disahkan mengidap kanser kolorektal. Selain itu, amalan gaya hidup sedentari, tidak aktif dan kurang pengambilan serat, sayur-sayuran dan buah-buahan kerap dikaitkan sebagai antara faktor yang meningkatkan risiko kejadian kanser kolorektal.

Pengesanan awal adalah amat penting dan peluang untuk kanser

dirawat dengan baik semakin berkurang sekiranya ia dikesan lewat. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal secara percuma menggunakan *immunological Faecal Occult Blood Test* (iFOBT) di klinik-klinik kesihatan dan diikuti dengan ujian kolonoskopi di hospital. Di samping itu, mengenali tanda-tanda dan gejala-gejala awal kanser kolorektal seperti kehadiran darah dalam najis, perubahan pola pembuangan najis (sembelit berselang dengan cirit) serta sakit perut yang berpanjangan adalah penting. Selain itu, rasa letih dan lesu serta hilang berat badan juga merupakan tanda-tanda amaran kanser. Tanda-tanda dan gejala ini mungkin tidak wujud pada peringkat awal.

Bulan Kesedaran Kanser Kolorektal jatuh pada bulan Mac setiap tahun. Sempena bulan kesedaran ini, KKM menyeru orang ramai agar sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat untuk mencegah kanser kolorektal, jalani ujian saringan sekiranya tidak mempunyai tanda dan gejala serta berusia antara 50–75 tahun, kenali tanda dan gejala awal kanser kolorektal serta dapatkan nasihat doktor untuk pemeriksaan lanjut dengan segera. Jangan berlengah. Kesihatan anda adalah tanggungjawab anda. Jangan jadikan diri anda sebahagian dari statistik pesakit kanser kolorektal. Anda boleh melakukannya.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 MAC 2020